



SIARAN MEDIA KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA

MAJLIS PELANCARAN DESTINASI PELANCONGAN BERASASKAN KOMUNITI (CoBT) KAMPUNG BAMBANGAN, BATU SAPI, SANDAKAN, SABAH

SANDAKAN, 18 OKTOBER 2025 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui Program Pengalaman Homestay Malaysia (PPHM) telah melancarkan **Destinasi Pelancongan Berasaskan Komuniti (CoBT) Kampung Bambangan, Batu Sapi, Sandakan, Sabah** yang dirasmikan oleh YB Datuk Khairul Firdaus bin Akbar Khan, Timbalan Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya.

Kampung Bambangan merupakan **kluster pertama PPHM di Sandakan**, menawarkan pengalaman unik kepada pelancong untuk menyelami gaya hidup masyarakat setempat. Antara tarikan utama termasuklah aktiviti berkelah di Jeti Lagenda, lawatan ke perusahaan ketam lembut, aktiviti memancing di rumah pancing, dan pengalaman *River Cruise* yang menyusuri keindahan paya bakau Hutan Simpan Kabili-Sepilok. Lokasinya yang berdekatan dengan Sepilok, *Rainforest Discovery Centre* dan Taman Memorial Sandakan menjadikan destinasi ini sebahagian daripada pakej pelancongan lengkap di Sandakan.

YB Timbalan Menteri dalam ucapannya turut menzahirkan penghargaan kepada komuniti Kampung Bambangan atas semangat gotong-royong, perpaduan dan kebersamaan yang mencerminkan nilai-nilai MADANI seperti Kemampanan, Kesejahteraan dan Hormat dalam memperkasa pelancongan komuniti. Beliau turut menegaskan bahawa kesediaan penduduk menerima pelancong membuktikan komitmen masyarakat tempatan dalam memupuk semangat hospitaliti, kekitaan dan keterangkuman sosial yang menjadi teras kepada pelancongan berasaskan komuniti.

Pada tahun 2024, Sabah telah merekodkan sebanyak **RM15.1 juta pendapatan melalui PPHM** dengan kehadiran **jumlah kehadiran pelancong seramai 202,053 orang** terdiri daripada 135,542 orang pelancong domestik dan 66,511 orang pelancong antarabangsa. Manakala **sehingga Ogos 2025**, Sabah mencatatkan rekod **pendapatan sebanyak RM13.1 juta**, dengan **jumlah kehadiran pelancong seramai 161,318 orang** iaitu 115,069 orang pelancong domestik dan 46,249 orang pelancong antarabangsa. Negeri ini turut menempatkan 39 kluster homestay, 135 buah kampung, 33 buah kampungstay, 525 orang peserta dan 7 buah koperasi aktif yang menjadi penggerak utama kepada ekonomi komuniti pelancongan di Sabah.

Menjelang Tahun Melawat Malaysia 2026 (VM2026), MOTAC akan terus memperkukuh pelaksanaan pelancongan berasaskan komuniti selaras dengan nilai Daya Cipta MADANI, khususnya melalui sokongan dalam latihan, promosi dan pembangunan infrastruktur bagi meningkatkan daya saing sektor pelancongan luar bandar. Memetik ucapan YB Timbalan Menteri, ***“Bila pelancong datang ke Bambangan, mereka bukan sekadar melihat tempat, tetapi mereka merasai kasih sayang, budaya dan keindahan komuniti Sabah yang sejati.”***

Dikeluarkan oleh:

Unit Komunikasi Korporat
KEMENTERIAN PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA (MOTAC)
Tel: 03-8000 8000 Fax: 03-8891 7181
Website: www.motac.gov.my Email: group.ukk@motac.gov.my
Facebook, Instagram, X & TikTok: @mymotac

